

# PM ajak jayakan Kempen Inflasi Sifar

# Rakyat perlu komited

Oleh HANAFIAH MAN

**K**UALA LUMPUR 2 Jun — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini melancarkan Kempen Inflasi Sifar dengan mengajak seluruh masyarakat baik golongan pembekal mahupun pengguna memberikan komitmen menjadikan usaha itu satu kenyataan.

Beliau menegaskan, peranan pembekal, peniaga dan para pengguna adalah amat penting bagi menayakan sepenuhnya matlamat tersebut.

Bagi pihak kerajaan pula, katanya, kerajaan akan terus mengamalkan dasar kawalan harga dan jika perlu menambah jenis barangan yang perlu dikawal harganya.

Beliau berkata, tanggungjawab kerajaan dalam hal ini ada-

lah menyeluruh dan wajar bagi mengawal harga barangan dan khidmat supaya tidak melambung naik.

Kata beliau, sepatutnya kerajaan tidak mengawal harga dalam sistem ekonomi pasaran tetapi ramai manusia yang tamak akan menaikkan harga jika tidak ada kawalan.

[Lagi berita di muka 5]

"Justeru itu di Malaysia penjual tidak boleh terlalu bebas menentukan harga. Jika mereka enggan menjual mengikut harga yang ditetapkan, tindakan akan diambil terhadap mereka," katanya.

Beliau berkata demikian semasa berucap pada majlis pelancaran Hari Pengguna Sedunia 1995

■ Lihat muka 2

SAMBUNGAN DARI MUKA 1

## Rakyat perlu komited

dan Kempen Antiinflasi 1995 di Pusat Islam di sini hari ini.

Dengan pelancaran tersebut, Malaysia menjadi negara pertama yang mempunyai program seumpama itu bagi memerangi inflasi habis-habisan.

Menurut Dr. Mahathir, kerajaan juga akan mengamalkan strategi mengekalkan kos sara hidup yang rendah untuk membolehkan Malaysia menarik pelaburan dan mengekalkan daya saing barangan buatan negara ini di pasaran antarabangsa.

"Kita tidak mempunyai banyak kelebihan bersaing. Kita kekurangan modal, teknologi, kemahiran, pasaran tempatan yang besar dan jaringan pemasaran seluruh dunia.

"Yang ada pada kita ialah kos pengeluaran yang rendah kerana kos sara hidup kita rendah," ujarnya.

Kata Perdana Menteri, selagi kos sara hidup negara ini rendah, kos pengeluaran barangan dan khidmat juga akan menjadi rendah.

Keadaan ini katanya, menjadikan eksport negara ini meningkat dan aliran wang masuk akan bertambah dan rakyat akan menjadi lebih kaya.

Di samping itu kata beliau, kemasukan barangan dari luar, cukai import dan eksport serta beberapa cara lain digunakan oleh kerajaan untuk mengawal harga dan membendung inflasi.

Beliau menambah, Malaysia belum menjadi negara maju, kawalan harga dan inflasi adalah penting untuk negara ini terus berdaya saing.

"Kita tidak mahu menjadi negara di mana upah beratus ribu unit matawang tetapi harga sekilo daging adalah berpuluh ribu unit iaitu sama dengan

upah untuk dua atau tiga hari," jelasnya.

Sehubungan itu beliau mengingatkan, pembekal dan juga pengguna memikirkan kepentingan bersama untuk mengawal kenaikan harga dan inflasi.

Katanya, sebagai pengguna mereka juga kadang kala adalah pembekal dan keadaan itu memerlukan mereka memikirkan pentingnya layanan yang baik apabila membekalkan barangan atau perkhidmatan.

Mengenai peranan kesatuan pengguna, Dr. Mahathir mengingatkan, mereka tidak harus berpolitik dan perlu berhati-hati dalam membuat dakwaan jika tidak mereka akan merugikan penjual tanpa sebab.

Pengguna dan kesatuan kesatuan mereka juga, katanya, perlu memberi pertimbangan secara adil dan memahami mekanisme harga.